

Lawatan Klinik Pakar ke Long Busang



Lawatan Klinik Pakar ke Long Busang pada 2016 disertai oleh Dr. Adilah Bt Sulaiman, Pakar Klinik Hospital Bintulu bersama pegawai perubatan Dr Nurul Illiyani Bt Md Rozali dan pegawai pembantu kesihatan, En Zohanaffandi. Perjalanan ke Long Busang dipermudahkan dengan adanya helikopter yang dipandu oleh Kapten Gilbert, juruterbang dari Filipina.

Kami berlepas dari Lapangan Terbang Bintulu dan mengambil masa lebih kurang 1 jam dan 15 minit ke Long Busang. Ketibaan kami disambut baik oleh wakil ketua kampung.

Selepas makan tengahari yang disediakan oleh penduduk kampung, kami memulakan perjalanan dari rumah ke rumah pesakit untuk mencari pesakit di bawah jagaan kami. Perjalanan ke rumah pesakit diketuai oleh En.Sulaiman.



Pesakit-pesakit psikiatri di Long Busang juga dijaga oleh Pegawai Perubatan dari Klinik Belaga. Mereka akan dilawat sebulan sekali oleh pasukan perubatan dari Klinik Belaga.

Setelah selesai melawat semua pesakit, kami mengadakan aktiviti ringan bersama pelajar tahun 6 yang akan menduduki UPSR pada tahun ini. Seramai 25 pelajar yang menyertai aktiviti pada malam itu bersama –sama guru mereka. Hadiah saguhati turut diberikan di penghujung aktiviti. Lawatan ke Long Busang diakhiri oleh lawatan ke Sekolah Long Busang.